

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA 2018, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
KAWASAN : LENGGONG
TARIKH : 28 FEB 2018
NO. SOALAN : NO. 15 (PR-1361-L04298)

SOALAN

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- a) Sejauh mana Kementerian mengawal gelombang Revolusi Industri 4.0 agar ia tidak memberi kesan negatif kepada pembangunan modal insan dan mobiliti sosial; dan**
- b) Apakah peluang yang boleh diambil oleh golongan usahawan kecil sederhana terhadap revolusi industri ini yang membabitkan pelbagai bidang termasuk automasi, robotik, pengkomputeran awan, kecerdasan buatan (AI) dan internet untuk segala-galanya (IoT). Adakah PKS negara kita sudah bersedia ke arah revolusi tersebut .**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan pesat teknologi hasil kemunculan Revolusi Perindustrian Keempat yang didorong oleh Industri 4.0 ini membawa pelbagai gangguan, dengan izin "disruption" yang mampu memberi kesan kepada sosio-ekonomi negara. Namun demikian, perubahan ini adalah tren

10

global yang akan terus berlaku dan tidak mudah dibendung atau dikawal.

Oleh itu, Kerajaan perlu proaktif untuk mengekalkan daya saing PKS tempatan dalam mengharungi gelombang ini dengan menetapkan strategi yang dapat membolehkan Rakyat bekerja bersama-sama dengan teknologi seperti mesin, komputer dan robot seiring dengan perkembangan Industri 4.0.

Strategi ini diperhalusi dalam Rangka Kerja Dasar Nasional mengenai Industri 4.0 yang telah dibuka untuk maklumbalas awam dari 12 Februari hingga 9 Mac 2018 di laman web MITI. Dua strategi baharu mengenai pembangunan modal insan telah dikenalpasti iaitu:

- Strategi S1: meningkatkan keupayaan modal insan melalui program pembangunan khusus untuk sektor pembuatan serta sokongan kepada “re-skilling”; dan
- Strategi S2: memastikan ketersediaan modal insan pada masa hadapan dengan melengkapkan pelajar melalui set kemahiran yang diperlukan untuk bekerja di persekitaran Industri 4.0.

Bagi merealisasikan kedua-dua strategi tersebut, institusi pendidikan dan teknikal berperanan untuk membangunkan bakat dalam bidang teknologi baharu, digital dan kejuruteraan supaya dapat membentuk graduan yang berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berkemahiran tinggi untuk pasaran kerja dalam Industri 4.0.

Terkini, institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia telah menawarkan pelbagai program berkaitan teknologi Industri 4.0 seperti:

- “Artificial Intelligence” di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia;
- “Virtual Reality” di Universiti Sains Malaysia;
- “Robotics” di Universiti Teknologi Malaysia; dan

➤ “Data Analytics” di University Sunway Malaysia.

Selain itu, institusi latihan (“Skills Centre”) turut memberi sokongan padu dalam meningkatkan kemahiran tenaga kerja negara sejajar dengan perkembangan Industri 4.0. Institusi seperti ini menjalankan latihan teknikal yang amat diperlukan bagi menggerakkan agenda Industri 4.0 di Malaysia. Antara program yang telah dianjurkan ialah:

- “iFactory Innovation Centre” yang diterajui German-Malaysian Institute (GMI) untuk memberi pendedahan dan pendekatan tentang konsep kilang pintar;
- siri latihan teknikal “i4.0 Global Guru Series” yang dijayakan oleh tenaga pengajar antarabangsa Penang Skills Development Centre (PSDC) yang telah berkongsi ilmu pengetahuan tentang Industri 4.0; dan
- “Didactic and Industrial Training Equipment for Industry 4.0” anjuran Kedah Industrial Skills and Management Development Centre (KISMEC) dengan kerjasama sebuah multinasional terkemuka Jerman.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi fasilitasi kepada syarikat PKS, Kerajaan telah menyediakan insentif elaun modal perbelanjaan automasi melalui Bajet 2015 bagi meningkatkan produktiviti melalui proses automasi sektor perkilangan. Sehingga 31 Januari 2018, sebanyak 88 permohonan insentif elaun modal automasi telah diluluskan. Ini telah merangsangkan syarikat-syarikat tempatan untuk mencapai peningkatan kapasiti pengeluaran purata di antara 200 hingga 300 peratus seterusnya membantu meningkatkan ketersediaan pihak industri ke arah automasi dan Industri 4.0.

Kerajaan juga menyediakan insentif berasaskan cukai berkaitan produk perkilangan pintar yang boleh dipertimbangkan bagi pengeluaran produk-produk seperti berikut:

- robotik serta kelengkapan automasi perkilangan; dan
- pengeluaran jentera dan peralatan (M&E) terpilih.

Syarikat yang menjalankan aktiviti yang layak boleh memohon:

- Taraf Perintis dengan pengecualian cukai sehingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun untuk tempoh sehingga 10 tahun; atau
- Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100 peratus ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh lima tahun. Elaun ini boleh ditolak sebanyak 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Bagi memastikan proses transformasi teknologi syarikat tempatan dipercepatkan, Kerajaan telah mengumumkan insentif khusus untuk membangunkan Industri 4.0 dalam Bajet 2018 seperti berikut:

- Geran sepadan sebanyak RM245 juta ringgit di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik bagi menaik taraf kemudahan *Smart Manufacturing*;
- Melanjutkan tempoh Insentif Elaun Modal Automasi bagi Kategori Pertama dari tahun taksiran 2018 hingga 2020;
- Galakan Elaun Modal Dipercepat sebanyak 200 peratus, untuk sektor pengilangan dan perkhidmatan berkaitan pengilangan; dan
- Elaun Modal bagi peralatan ICT termasuk perbelanjaan pembangunan perisian komputer mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Persoalan yang sering diutarakan tertumpu kepada kesiapsiagaan, dengan izin "readiness" Malaysia untuk menempuh gelombang Industri 4.0. Dalam hal ini, satu laporan bertajuk dengan izin, "Readiness for the Future of Production Report 2018" terbitan "World Economic Forum"

B

(WEF) bersama A.T. Kearney telah menilai kesiapsiagaan 100 buah negara, termasuk Malaysia dalam Industri 4.0.

Malaysia digambarkan berada di kalangan negara peneraju, dengan izin, "Leader Quadrant". Kumpulan negara peneraju merupakan negara yang mempunyai asas pengeluaran semasa yang kukuh dan mempunyai posisi baik untuk pembuatan pada masa hadapan. Ini menunjukkan kesiapsiagaan Malaysia bagi menghadapi gelombang Industri 4.0.

Sekian, terima kasih.